

**PERATURAN PERMAINAN BOLA TAMPAR PANTAI**

**1. PERATURAN TEKNIKAL**

**1.1 Undang - undang permainan**

Peraturan ini dijalankan mengikut undang-undang Permainan Bola Tampar Pantai SUKIPT dan Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB)

**1.2 Perkara yang tidak dinyatakan**

Rujuk Peraturan AM SUKIPT IV

**2. PERATURAN PERTANDINGAN**

**2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan**

2.1.2 Kategori berpasukan Lelaki dan Wanita

**2.2 Pendaftaran Permainan/Pembentukan Pasukan**

2.2.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 2 orang pemain, 1 pengurus dan 1 jurulatih bagi satu pasukan.

2.2.2 Setiap institusi hanya dibenarkan 1 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita sahaja.

2.2.3 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.

2.2.4 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

**2.3 Sistem Pertandingan**

2.3.1 Sila rujuk Peraturan AM SUKIPT, perkara 9.

2.3.2 Perlawanan ditentukan dengan 2 set dari 3 set permainan.

2.3.3 Setiap set dimainkan dengan kiraan mata 21. Set ketiga atau set penentuan dimainkan dengan kiraan mata 15.

2.3.4 Perlawanan akan dimainkan dimana, Set pertama dan kedua, jika kedudukan terikat 20 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Duece)

2.3.5 Perlawanan akan dimainkan dimana Set ketiga, jika kedudukan terikat 14 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Duece).

### 2.3.6 Cara Memutuskan Keputusan

#### 2.3.6.1 Cara memberi mata:

Menang	- 2 mata
Kalah	- 1 mata
Kalah tanpa bertanding	- 0 mata

### 2.3.7 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut:-

#### 2.3.7.1 Nisbah Mata (M)

M = Jumlah mata menang (semua perlawanan)  
Jumlah mata kalah (semua perlawanan)

#### 2.3.7.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),

S = Jumlah set menang (semua perlawanan)  
Jumlah set kalah (semua perlawanan)

#### 2.3.7.3 Jika masih seri,

M1 = Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)  
Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)

#### 2.3.7.4 Jika masih seri,

S1 = Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)  
Jumlah set kalah (antara pasukan yang terlibat)

2.3.7.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua-kedua pasukan tersebut akan diambilkira. Pasukan yang pernah menang diperlawanan tersebut dikira menang.

2.3.7.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

### 2.3.8 Kelewatan

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu kepada pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 21-0, 21-0.

## 2.4 Pakaian Pertandingan

2.4.1 Rujuk perkara 7 dan 9 peraturan Am SUKIPT.

2.4.2 Nombor jersi mestilah jelas dan terang dibahagian depan dan belakang. Minimum saiz (10cm x 14cm)

2.4.3 Pakaian setiap pasukan seragam bagi jersi dan seluar

**3. RINGKASAN PENYERTAAN**

<b>Bil</b>	<b>Acara Sukan</b>	<b>Jumlah Atlet Lelaki</b>	<b>Jumlah Atlet Wanita</b>	<b>Pegawai</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>1</b>	<b>Bola Tampar Pantai</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2 + 2</b>	<b>8</b>